

UNISSA, BILIF tandatangani MoU kukuhkan jalinan kerjasama

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) hari ini memperkukuhkan lagi jaringan rakan strategik dengan memperbaharui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF).

Hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU yang berlangsung di Auditorium, UNISSA di sini, Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani manakala bagi pihak BILIF ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan Dekan FEKIm menjelaskan bahawa FEKIm UNISSA dan BILIF merupakan dua teman seperjuangan yang berjalan seiring memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama melahirkan dan

meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia, bukan sahaja di dalam industri kewangan, malahan juga di sektor awam dan swasta.

Menurutnya, peranan signifikan yang dimainkan oleh FEKIm UNISSA dan BILIF berkenaan telah mendapat pengiktirafan dunia apabila kedua-duanya menerima anugerah Global Islamic Finance Award (GIFA) pada tahun 2019 di Cape Town, Afrika Selatan dan pada tahun 2021 di London, United Kingdom.

Beliau seterusnya menjelaskan, dengan adanya pembaharuan MoU antara FEKIm UNISSA dan

BILIF berkenaan akan dapat memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada.

Semasa menyampaikan ucapan kata balas, Dayang Hajah Sufinah menjelaskan, sejak penandatanganan MoU yang pertama, iaitu pada tahun 2017, BILIF dan FEKIm UNISSA telah banyak bekerjasama dalam usaha mempertingkatkan dan mengembang majukan industri kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam, iaitu penyertaan para pegawai UNISSA sebagai penceramah / speaker dan

moderator dalam pelbagai program latihan dan acara bertaraf tinggi anjuran BILIF; dan keterlibatan pihak UNISSA sebagai ahli jawatankuasa kerja dan ahli jawatankuasa pandu bagi projek LIFE ataupun Leadership in Islamic Finance and Economics.

Beliau seterusnya menambah, kerjasama berkenaan adalah penting dan sangat relevan kerana ia selaras dengan misi

BILIF untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan, melalui pelbagai program dan acara bertaraf antarabangsa dan juga misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin yang soleh dan berkebolehan untuk menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Majlis diserikan lagi dengan perkongsian Bicara Ilmuan yang disampaikan oleh Profesor FEKIm, UNISSA, Dr. Haji Razali bin Mat Zin; dan Pengurus, Learning & Development Department, BILIF, Dayang Rubby Sandra binti Mohammed.

Juga hadir, para Pegawai Eksekutif dan Utama UNISSA, mahasiswa serta mahasiswi UNISSA dan para pegawai kanan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan para pegawai BILIF.



REKTOR UNISSA hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU yang berlangsung di Auditorium, UNISSA (atas dan atas kanan).

